

12 AUG 2003

Sri Lanka-Mahathir/I

SRI LANKA PERLUKAN PEMIMPIN SEPERTI MAHATHIR, KATA MENTERI

Oleh: Azman Ujang

COLOMBO, 12 Ogos (Bernama) -- Sri Lanka perlukan pemimpin seperti Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew yang kepimpinan "agak tegas" telah membawa banyak manfaat kepada negara mereka, kata Menteri Perdagangan dan Hal Ehwat Pengguna Ravi Karunanayake hari ini.

Beliau berkata sistem politik Sri Lanka juga memerlukan orientasi semula menyeluruh kerana sebahagian besar "politiking" dan ahli politik telah melakukan kerosakan "besar" kepada negara itu.

"Kami memerlukan pemimpin seperti Mahathir dan Lee Kuan Yew yang mentadbir dengan cara agak tegas tetapi amat bermanfaat bagi negara," katanya kepada sekumpulan wartawan Malaysia yang sedang melawat ke negara itu di kediamannya di sini.

Beliau juga bercakap mengenai bagaimana keseluruhan negara itu telah disalahtadbir menerusi hala tuju politik yang salah.

Karunanayake berkata kumpulan pejuang Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) telah mendakwa bahawa minoriti Tamil telah ditindas dan disekat untuk memberikan justifikasi kepada kewujudannya.

"Tetapi saya berpendapat bahawa seluruh negara ini telah ditindas dan disekat. Sama seperti kaum Tamil yang menyatakan mereka telah ditindas, kaum Sinhalese dan orang Islam juga ditindas. Kaum Sinhalese merupakan majoriti dengan 76 peratus, Tamil 17 peratus dan orang Islam tujuh peratus daripada 19 juta jumlah penduduk negara.

"Ia memang sebuah negara yang telah disalahtadbir yang telah menyebabkan pelbagai masalah seumpama itu timbul," kata menteri yang suka berterus-terang itu.

Namun, katanya kerajaan di bawah Perdana Menteri Ranil Wickremesighe yang berkuasa pada Disember 2001 telah berusaha untuk mengubah hala tuju Sri Lanka dan membawa rakyatnya memasuki masa depan baru.

Hanya dua bulan selepas dipilih, Wickremesighe, yang beliau sifatkan sebagai pemimpin berwawasan, berjaya mendapatkan persetujuan LTTE untuk menandatangani gencatan senjata bagi perang saudara 20 tahun itu, masalah utama yang dihadapi negara itu.

"Kini keadaan perang telah bertukar menjadi aman. Saya berpendapat bahawa mereka (LTTE) sudah bersedia untuk berdamai. Sepanjang proses itu, wujud pelbagai pergolakan. Kami akan menyelesaikannya satu persatu dan mungkin kami akan dapat mengadakan perbincangan dengan mereka pada September," katanya mengenai rundingan damai itu yang tertangguh.

Beliau yakin pentadbiran sementara yang dilaksanakan sebagai sebahagian perkongsian kuasa di kawasan bermasalah di Utara dan Timur negara itu akan berjalan lancar dalam tempoh tiga hingga empat bulan lagi.

Ini akan membawa kepada resolusi damai yang tetap terhadap konflik etnik itu dalam tempoh dua tahun lagi.

Seperti katanya: "Keamanan memang wujud. Ianya bagaimana anda melaksanakan proses itu pada asasnya yang akan memastikan keamanan dicapai."

Karunanayake berkata di negara seperti Sri Lanka, beliau percaya bahawa rakyatnya tidak akan terlibat dengan aktiviti keganasan sekiranya mereka mempunyai kerja, gaji dan rumah.

"Kadang kala mereka tiada pilihan tetapi menyertai pergerakan pengganas bagi survival mereka," katanya.

"Apa yang kami lakukan ialah kami cuba komersilkan proses damai itu,"

katanya.

Karunanayake secara terus-terang meluahkan pandangannya mengenai keganasan yang berlaku di Sri Lanka semasa perang itu yang telah meragut 65,000 nyawa.

"Perkara yang paling penting sekarang ialah pengganas tahu bahawa mereka mempunyai masa yang amat terhad.

"Dan LTTE sedar mengenainya. Mereka merupakan pertubuhan pengganas yang kejam dan seluruh dunia tidak boleh membiarkannya sekiranya mereka tidak mematuhi perjanjian (gencatan senjata) ini. Masa semakin suntuk bagi keganasan," katanya.

Mengenai ekonomi, beliau berkata daripada pertumbuhan negatif semasa kerajaan sekarang mengambil alih pentadbiran, ekonomi Sri Lanka telah mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 4.8 peratus dengan keutamaan mewujudkan suasana pelaburan kondusif.

Dengan wujudnya keamanan, ia telah mencatatkan pelaburan asing tahunan tertinggi sebanyak US\$280 juta (RM1.064 bilion) tahun lepas, peningkatan sebanyak 160 peratus daripada tahun sebelumnya.

Dasar utamanya ialah membuka pasaran menerusi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), yang paling berjaya setakat ini dengan India manakala FTA dengan Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Thailand, Pakistan, Bangladesh dan Mesir bakal menyusul.

Karunanayake, yang akan melawat Malaysia pada akhir bulan ini, berkata beliau akan membincangkan kemungkinan Sri Lanka mengadakan FTA serupa dengan Malaysia pada pertemuan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menyatakan antara manfaat FTA seumpama itu kepada kedua-dua negara, beliau berkata pengeluar kereta Malaysia, Proton boleh memasuki pasaran besar automotif negara jiran India jika ia membina kilangnya di Sri Lanka.

"Beberapa pengeluar kereta Jepun sudah menunjukkan minat terhadap Sri Lanka dengan harapan untuk memasuki pasaran India." katanya.

-- BERNAMA

AU HS MFJ RHM